

18 OCT 2000

Mahathir-Prihatin

BENCI-MEMBENCI BAHAYAKAN MASYARAKAT, KATA MAHATHIR

PETALING JAYA, 18 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata usaha menghasut dan benci-membenci yang dijalankan oleh pihak pembangkang membahayakan masyarakat.

Dengan itu Perdana Menteri mahu rakyat prihatin akan taktik-taktik pembangkang yang menghasut itu.

Usaha membenci akan membuat seseorang jika terpengaruh menjadi marah dan melakukan perkara-perkara tidak siuman seperti merampas senjata dan membunuh, kata beliau ketika merasmikan Pusat Khidmat Biro Tindakan Sivill Umno di Sungai Way di sini.

Dr Mahathir yang juga presiden Umno berkata baru-baru ini, terdapat laporan penyanyi terkenal Siti Nurhaliza, diserang oleh seorang pemuda.

"Saya percaya ini mungkin adalah akibat benci-membenci ini," kata Dr Mahathir.

Penyanyi itu diilaporkan nyaris ditikam oleh seorang remaja lelaki dengan sebilah pisau lipat di perkarangan Stadium Larkin, Johor Bahru pada 15 Okt.

Dr Mahathir berkata Umno tidak boleh bergantung kepada kebencian dan hasrat benci-membenci untuk merapatkan diri dengan rakyat.

Beliau berkata Malaysia sebagai negara demokrasi membenarkan parti mengadakan platform dan idea masing-masing menubuhkan kerajaan jika memenangi pilihan raya.

Tetapi sejak kebelakangan ini bukan program pembangunan ataupun janji-janji untuk kebaikan rakyat yang dilaungkan tetapi usaha supaya rakyat membencikan pemimpin atau kerajaan, katanya.

Beliau berkata kalau nak lawan Umno mereka perlu menandingi dengan menubuhkan program untuk kebaikan rakyat dan kebolehan untuk mendirikan kerajaan yang stabil.

Mengenai pusat khidmat biro itu, beliau berharap pusat berkenaan dapat membantu masyarakat yang berbilang kaum dan agama walaupun dari Umno atau tidak.

Pusat khidmat ini adalah projek pertama Biro Tindakan Sivill yang dipengerusikan oleh ahli Majlis Tertinggi Cik Azalina Othman.

Perdana Menteri juga berucap pada majlis mesra warga industri yang dihadiri oleh 5,000 orang kebanyakan pekerja kilang dari zon perdagangan bebas Sungai Way.

Ketika berucap, Dr Mahathir berkata sejak merdeka negara telah membangun daripada sebuah negara pertanian kepada ekonomi perindustrian.

Katanya jumlah penduduknya juga telah meningkat daripada 5 juta kepada 23 juta dan dengan usaha kerajaan memujuk pelabur asing dan banyak syarikat dari Amerika, Jepun dan Eropah telah mendirikan kilang pengeluaran.

Minat mereka terhadap kebolehan pekerja negara ini telah meningkat dari tahun ke tahun kerana pelabur daripada negara berkenaan tahu pekerja Malaysia cukup cekap dan mudah dilatih serta sekarang mampu untuk mengeluarkan apa bentuk barangan, kata beliau.

Tahap perindustrian negara juga telah meningkat ke peringkat pembuatan dan penciptaan automobil seperti jenis Proton dan juga pembuatan pesawat terbang ringan serta pembuatan bahagian sayap untuk pesawat jenis Boeing.

Peluang pekerjaan dinegara ini juga kini bertambah sehingga negara menjadi tumpuan pekerja asing.

-- BERNAMA

GM GM FAZ